

SEKTOR PELANCONGAN NEGARA, TERMASUKLAH DI SELANGOR, MERUPAKAN SATU DARIPADA SEKTOR UTAMA YANG TERJEJAS EKORAN PENULARAN PANDEMIK COVID-19 YANG MENGHALANG PERGERAKAN BEBAS MASYARAKAT. KESAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERMULA PADA 18 MAC 2020 LALU TURUT DIRASAI OLEH PENGUSAHA HOTEL, RUMAH INAP DAN TEMPAT PERANGINAN BERIKUTAN MEROSOTNYA JUMLAH PENGUNJUNG YANG MENEMPAH BILIK PENGINAPAN DAN BERBELANJA.

Begitu juga tempat kunjungan utama pelancong, seperti taman tema dan pulau peranginan, serta agensi pelancongan termasuk syarikat pengendali pengangkutan penumpang seperti bas persiaran, teksi dan kereta sewa serta bot penumpang, turut mengalami kerugian sehingga ada yang terpaksa ditutup operasinya. Kesan ini juga turut dirasai oleh pengusaha restoran, gerai makanan dan premis perniagaan

yang selama ini menjadi tumpuan pelancong untuk membeli pakaian, cenderamata dan sebagainya. Kelembapan aktiviti pelancongan dan kemerosotan ekonomi ini juga memaksa sebilangan pengusaha menghentikan kakitangan bagi mengelakkan mereka terus mengalami kerugian.

Bagi memulihkan sektor ekonomi dan merancakkan semula aktiviti pelancongan, beberapa pihak, termasuklah badan

kerajaan dan agensi pelancongan, mengambil pelbagai langkah dan memperkenalkan beberapa insentif. Hal ini termasuklah pihak Tourism Selangor yang tidak mahu situasi ini berterusan dengan mengambil langkah menggalakkan kembali masyarakat melancong di dalam negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ini.

AYUH PUSING SELANGOR DAHULU!




Hutan paya bakau.




Dewan Budaya | BIL. 11 2020




Bazar tani di beberapa daerah di Selangor.



Istana Alam Shah di Bandar Diraja, Klang.



Kota Raja Mahadi di Klang.



Pantai Morib di Kuala Langat.

Atas dasar itu, satu daripada usaha dan suntikan untuk melonjakkan kembali aktiviti pelancongan di Selangor ialah melaksanakan kempen yang menggunakan slogan memikat, iaitu “*Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu*”, yang bertujuan mengajak masyarakat tempatan melawat ke tempat-tempat dalam negeri sendiri lebih dahulu sebelum melancong ke negeri lain. Walaupun diketahui umum bahawa Selangor sememangnya negeri yang indah, unik dan menarik, tetapi pastinya sebilangan rakyatnya masih tidak mengetahui secara jelas bahawa terdapatnya pelbagai tarikan yang berbeza-beza di setiap daerah.

Setiap daerah di Selangor memang mempunyai daya tarikan tersendiri, sama ada tarikan mercu tanda yang hebat, seperti Masjid Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah di Shah Alam, atau monumen warisan di

Bandar Diraja Klang, antaranya termasuklah Istana Alam Shah, Kota Raja Mahadi dan tugu keris. Di Kuala Langat misalnya, terdapat tinggalan sejarah Istana Bandar Jugra, manakala di Kuala Selangor terkenal dengan Bukit Malawati, muzium dan rumah api, serta peluang melihat keindahan kelip-kelip malam di Kampung Kuantan.

Selain itu, Selangor juga kaya dengan alam semula jadi yang indah dan unik, seperti pantai Morib, alam rimba, hutan paya bakau, sungai dan air terjun, yang sesuai untuk aktiviti lasak dan beriadah, seperti memancing, berkayak, mendaki bukit dan meneroka kehijauan hutan, sebagai suatu pengalaman yang menakjubkan.

Selain lokasi pelancongan, negeri ini turut memiliki warisan kebudayaan yang tersendiri, seperti makanan tradisional nasi ambang, sate di Kajang, sajian makanan laut ikan bakar di

Pelabuhan Kelang, Jeram, Pantai Remis dan Sekinchan, di samping keunikan seni bina mercu tanda dan warisan budaya, serta tempat beli-belah, seperti bazar tani dan gerai di Little India, Jalan Tunku Kelana, Klang.

Setiap tarikan warisan dan budaya yang dinyatakan merupakan aset penting di setiap daerah yang sedang dipromosikan oleh Tourism Selangor sebagai agensi yang bertanggungjawab memajukan bidang pelancongan di negeri itu. Sasaran kini ditumpukan kepada seluruh masyarakat Malaysia, khususnya rakyat Selangor, ekoran situasi COVID-19 sekarang yang masih tidak membenarkan pengunjung dari luar negara sebagai langkah mengawal dan mencegah penularan virus ini.

Bagi menjayakan program ini, Tourism Selangor berusaha memberikan publisiti secara meluas tentang pelancongan

dalam negeri yang selama ini kurang diketahui atau didedahkan kepada umum. Bagi tujuan ini, Tourism Selangor menyenaraikan semua tarikan kunjungan itu melalui laman sesawangnya www.selangor.travel dan media massa. Selain itu, pengusaha penginapan dan pengendali tempat kunjungan juga digalakkan melakukan

promosi secara berterusan dengan menggunakan pelbagai platform. Hal ini termasuk menawarkan pelbagai pakej istimewa sebagai tarikan kepada pengunjung, terutamanya yang berkaitan dengan sewa penginapan, caj bayaran di pintu masuk, harga makanan dan pelbagai jualan yang lain, meliputi pakaian, barangan kraf dan cenderamata.


Usaha mempromosikan dan penawaran pakej yang menggalakkan ini diyakini berupaya memberikan nafas baharu kepada bidang pelancongan di Selangor, seterusnya meningkatkan semula sumber pendapatan masyarakat yang terjejas akibat penularan pandemik ini. Walau apa-apa pun pendekatan yang dilakukan bagi menggalakkan rakyat Selangor melancong di negeri sendiri, penekanan terhadap pematuhan kepada arahan pihak berkuasa terhadap kebiasaan baharu dan penjarakan fizikal, seperti

pemakaian pelitup hidung dan mulut, tetap diberikan keutamaan. Tourism Selangor juga sentiasa mengingatkan para pengusaha penginapan dan pengendali tempat kunjungan supaya sentiasa mengutamakan aspek keselamatan kepada pengunjung, termasuklah kebersihan premis, bilik dan kemudahan awam.


Pengurus Besar Tourism Selangor, Azrul Shah Mohamad berkata, pihaknya akan memantau pencapaian jumlah pelawat melalui promosi ini dari semasa ke semasa untuk memastikan keberkesananannya dan yakin inisiatif ini dapat membantu memulihkan industri pelancongan yang terjejas. Pihaknya akan menjadikan promosi sebegini sebagai usaha berterusan yang akan berupaya menarik perhatian masyarakat, khususnya rakyat negeri ini, tentang keistimewaan dan kelebihan Selangor sebagai destinasi terbaik untuk dihargai dan terus dikunjungi. **DB**




Sajian nasi daun pisang tradisi masakan masyarakat India.



Sajian makanan laut di Pelabuhan Klang dan Kuala Selangor.



Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam mercu tanda syiar Islam di Selangor.



Nasi ambang masyarakat Jawa.